

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING  
[ PENAMPANG ]**

**SOALAN**

**DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING [ PENAMPANG ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan menyatakan status keputusan tender untuk pembinaan klinik kelas 3 yang dijangka dibina pada bulan Disember 2020 di daerah Penampang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman, berkenaan status pembinaan klinik kelas 3 di Daerah Penampang, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang di dalam peringkat akhir penyediaan Preliminary Detailed Abstract.
2. Projek dijangka tender pada awal tahun 2021 dan pembinaan klinik dijangka bermula pada pertengahan tahun 2021.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING  
[ PENAMPANG ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status keputusan tender untuk pembinaan SMK Kipouvo yang sepatutnya dilaksanakan pada bulan November 2020.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Kipouvo, Penampang, Sabah telah diluluskan dalam *Rolling Plan 1* (Tahun 2016), Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11). Skop projek ini meliputi pembinaan baharu 36 bilik darjah dan lain-lain kemudahan berkaitan. Projek ini adalah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia dan sedang berada dalam peringkat perolehan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini telah diiklankan pada 8 September 2020 dan tarikh tutup asal tender adalah pada 20 Oktober 2020, manakala Surat Setuju Terima (SST) dijangka dapat dikeluarkan pada penghujung Disember 2020. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang sedang dilaksanakan di seluruh negeri Sabah pada ketika ini, tarikh tutup tender telah dilanjutkan sehingga 14 Disember 2020. Justeru, SST dijangka akan dikeluarkan pada akhir Februari 2021. Sekian